PENGHASILAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI BAGI MATA PELAJARAN TEKNOLOGI KATERING

NORAIHAN BINTI AHMAD @ MOHAMAD

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Fakulti Teknologi kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

FEBRUARI 2003

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Untuk abah dan emak yang disayangi dan dikasihi :

Ahmad @ Mohamad Bin Khatib Ngah dan Siti Sayiah Binti Mat Yassin.

Untuk adik-adikku yang disayangi..

Noraliza, Hilmy, Munirah dan Ahmad Fitri

Untuk atuk yang dikasihi…

Haji Mat Yassin Bin Mat Lia

Tidak dilupakan juga buat pakcik-pakcik dan makcik-makcik yang dikasihi…

Pak Ngah & Mak Ngah

Pak Uda & Mak Uda

Pak Teh & Mak Teh

Pak Tam & Mak Tam

Pak Cik & Mak Cik

Ayah Cu & Mak Cu

Serta rakan-rakan seperjuangan sekalian…

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdullah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah taufik dan hidayahnya dapatlah saya menyiapkan projek sarjana ini.

Jutaan terima kasih penghargaan ikhlas kepada penyelia projek sarjana iaitu, Tuan Haji Ali bin Suradin atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek sarjana ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada emak dan abah serta adik-adik tersayang yang banyak memberi semangat dan dorongan dalam menyiapkan projek ini.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRAK

Perbezaan individu merupakan salah satu faktor yang merupakan penyebab kepada kesulitan pelajar menerima sesuatu pembelajaran. Kebanyakan pendidik sedar akan kewujudan perbezaan individu di kalangan para pelajar seperti dari segi minat terhadap mata pelajaran, gaya belajar, dan motivasi. Oleh itu salah satu cara yang boleh digunakan untuk menangani masalah ini ialah dengan mengindividukan pengajaran iaitu dengan menggunakan modul pengajaran kendiri (MPK) dalam proses pembelajaran supaya membolehkan kemudahlenturan dari segi pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran. Sehubungan dengan ini, satu modul pengajaran kendiri bagi mata pelajaran Teknologi Katering dihasilkan bagi membantu pelajar kursus Teknologi Katering di Sekolah Menengah Vokasional Puteri (SMVP). Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan MPK yang dapat menarik minat, meningkatkan pemahaman dan memotivasikan. Set borang soal selidik digunakan merupakan instrumen yang digunakan di dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan nilai keseluruhan min bagi aspek menarik minat adalah 3.28, aspek pemahaman adalah 3.19 dan aspek motivasi adalah 3.15. Ini jelas membuktikan bahawa MPK yang dihasilkan adalah amat sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran pelajar.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRACT

An individual differences between all the student is one of the factor of student's inabilities in learning process. Our educators was realized that the individual differences between all the students effected in terms of their interest to the subject, learning style and seft-motivation. So, in this situation, self-learning module (MPK) in learning process is a solution to solve the problem in order to know their students' abilities in learning. Teachers are recommended to use the self-learning module in learning process. This is because the methods gave the students more flexibility optional, and chances to study individually. According to the purpose of this study, self-learning module in Catering Technology was produced to enhance student in Catering Courses at Sekolah Menengah Vokasional Puteri (SMVP) to taking off. The objectives of this study are to produce MPK where it can attract student's interest in this subject, enhance their level of understanding and increased the motivation among students. This study was executing by using a questionnaire to get the data. The data was analyzed in SPSS program and it is represented by using the frequency, percentage and mean score. The results of this study have shown that mean of student's interest is 3.28, understanding aspect is 3.19 and motivation aspect is 3.15. It's clearly approved that MPK produced are appropriate as a learning and teaching resources.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	**i**
	HALAMAN JUDUL	**ii**
	PERAKUAN PELAJAR	**iii**
	PENGHARGAAN	**iv**
	ABSTRAK	**v**
	ABSTRACT	**vi**
	KANDUNGAN	**vii**
	SENARAI JADUAL	**xi**
	SENARAI LAMPIRAN	**xii**
I	**PENGENALAN**	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	5
	1.2 Pernyataan Masalah	8
	1.3 Soalan Kajian	11
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Kepentingan Kajian	12
	1.6 Skop Kajian	13
	1.7 Definisi Istilah	14

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

		1.7.1 Modul	14
		1.7.2 Teknologi Katering	14
II	**SOROTAN PENULISAN**		
	2.0	Pendahuluan	16
	2.1	Modul Pengajaran Kendiri	18
	2.2	Tujuan Pengajaran Bermodul	19
	2.3	Kebaikan Penggunaan MPK	20
	2.4	Ciri-ciri Pengajaran Bermodul	27
	2.5	Penggunaan Teknologi Dan Media Dalam Pengajaran Bermodul	31
	2.6	Penutup	35
III	**METODOLOGI KAJIAN**		
	3.0	Pendahuluan	36
	3.1	Rekabentuk Kajian	36
	3.2	Populasi Dan Sampel Kajian	37
	3.3	Instrumentasi Kajian	38
		3.3.1 Format Borang Soal Selidik	38
		3.3.2 Kajian Rintis	41
		3.3.3 Ujian Kebolehpercayaan	41
	3.4	Prosedur Kajian	42
	3.5	Kaedah Analisis Data	43
		3.5.1 Soalan Kajian, Item-Item Soalan Dan Kaedah Analisis	44
	3.6	Andaian Kajian	45
	3.7	Batasan Kajian	46

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

	3.8	Penutup	47
IV	**REKABENTUK PRODUK**		
	4.0	Pendahuluan	48
	4.1	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	48
	4.2	Rekabentuk Produk	49
		4.2.1 Bentuk dan Ciri-ciri Produk	50
		4.2.2 Kronologi Pembinaan Produk	52
		4.2.3 Permasalahan Dalam Membina Produk	55
		4.2.4 Masa Membina Produk	56
		4.2.5 Dokumentasi Produk	56
	4.3	Penilaian Produk	56
		4.2.6 Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	57
		4.2.7 Instrumen Penilaian Produk	57
		4.2.8 Pemilihan Sampel Kajian	59
		4.2.9 Fokus Penilaian	60
		4.2.10 Cadangan Pembaikan	60
	4.3	Penutup	62
V	**ANALISIS DATA**		
	5.0	Pendahuluan	63
	5.1	Latar Belakang Responden	64
		5.1.1 Pelajar	64
		5.1.1.1 Jantina Pelajar	64

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

		5.1.1.2 Kumpulan Bangsa Pelajar	65
		5.1.1.3 Kumpulan Pelajar Yang Pernah Mengikuti Pengajaran Bermodul	66
	5.2	Kebolehlaksanaan Modul Pengajaran kendiri	67
		5.2.1 Menarik Minat	68
		5.2.2 Pemahaman	71
		5.2.3 Motivasi	75
	5.3	Analisis Perbandingan Purata Min	77
	5.4	Penutup	78
VI	**KESIMPULAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**		
	6.0	Pendahuluan	79
	6.1	Kesimpulan	80
	6.2	Cadangan	82
	6.3	Penutup	84
BIBLIOGRAFI			85
LAMPIRAN			88

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Format Borang Soalselidik	38
3.2	Format Skala Likert	41
3.3	Soalan Kajian, Item Soalan & Kaedah Analisis	44
4.1	Format Borang Soalselidik	57
5.1	Taburan Pelajar Mengikut Jantina	64
5.2	Taburan Pelajar Mengikut Bangsa	65
5.3	Kumpulan Pelajar Yang Pernah Mengikuti Pembelajaran Bermodul	66
5.4	Skala Tafsiran Julat Min	69
5.5	Ringkasan Item Bagi Aspek Menarik Minat	70
5.6	Jadual Analisis Min Bagi Aspek Menarik Minat	72
5.7	Ringkasan Item Bagi Aspek Pemahaman	74
5.8	Analisis Min Bagi Setiap Item Untuk Aspek Pemahaman	76
5.9	Ringkasan Item Bagi Aspek Motivasi	77
5.10	Analisis Min Bagi Setiap Item Untuk Aspek Motivasi	79
5.11	Jadual Ringkasan Kesesuaian Modul Pengajaran Kendiri	80

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A.	Set Borang Soal Selidik	89
B.	Jadual Peratusan Bagi Setiap Item	90
C.	Jadual Skor Min Bagi Setiap Item	91
D.	Nilai Alpha Cronbach	92
E.	Modul Pengajaran Kendiri	93

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Industri penyediaan dan perkhidmatan makanan terutama sekali di Malaysia didapati masih pada tahap yang rendah dari segi mutu makanan, layanan dan kebersihan. Sememangnya Malaysia masih memerlukan lebih ramai lagi orang yang terlatih dalam bidang ini. Harapan ini dapat dicapai dengan adanya mata pelajaran seperti kursus katering di sekolah-sekolah vokasional Aishah Hamzah (1992).

Menurut Aishah Hamzah (1992), negara kita juga menghadapi masalah kekurangan buku teks serta kekurangan buku bahasa Melayu dalam bidang ini. Bagi mengatasi masalah kekurangan buku teks dan kekurangan buku dalam bahasa Melayu ini, maka Modul Pengajaran Kendiri berbantukan komputer ini adalah sebagai satu usaha menyahut permintaan kerajaan untuk mengatasinya.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Usaha kerajaan kementerian Pendidikan Malaysia untuk meninggikan lagi tahap pengajaran dan pembelajaran dalam bidang katering akan dapat mewujudkan satu generasi muda yang mampu menceburi dan memperbaiki industri penyediaan makanan di Malaysia. Secara tidak langsung usaha ini akan memberikan kesan positif terhadap industri pelancongan di negara kita.

Sehubungan dengan perkembangan teknologi maklumat yang berlaku kini memberikan peluang seluas-luasnya kepada pelajar meneroka ilmu mengikut kehendaknya dan memberikan peluang kepada mereka untuk melahirkan pendapat dan kreativiti. Sejak awal tahun 1980 teknologi seperti komputer peribadi telah digunakan di Malaysia. Walau bagaimanapun, potensi teknologi tidak digunakan sepenuhnya di sekolah kerana sering digunakan sebagai alat pandang dengar sahaja. Contohnya, komputer diletakkan di bilik khas dan hanya digunakan untuk mengajar literasi komputer dan kadang-kadang untuk tujuan pemulihan dan pengkayaan. Oleh itu komputer tidak digunakan sepenuhnya dalam proses pembelajaran dan guru masih memainkan peranan sebagai pembekal dan penyampai maklumat yang mutlak. Walaupun komputer digunakan masa kini, guru masih gagal menerokai potensi teknologi secara maksimum (Hanafi Atan *et al* 2000).

Menurut Khairuddin Hashim (1999), hari ini kita terdedah kepada kecanggihan teknologi yang kita tidak pernah mimpi pada generasi dahulu. Contohnya, penghantaran data, suara dan video boleh dilakukan serta merta dan serentak dalam beberapa bahasa ke serata dunia. Tidak dipertikaikan bahawa teknologi maklumat merupakan revolusi ketiga selepas abjad (revolusi pertama), dan percetakan (revolusi kedua). Ini akan mengubah secara radikal cara pemikiran dan penyelesaian masalah di kalangan pelajar. Walaupun teknologi baru biasa digunakan di dalam perniagaan dan kadang kala terdapat di rumah pelajar, ia hampir tidak wujud di bilik darjah.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Menurut Hanafi Atan *et al* (2001), pembelajaran elektronik yang semakin luas dipraktikkan menjadi pelengkap kepada kaedah pembelajaran konvensional. Ia juga membantu kerajaan memastikan 40 peratus rakyat di negara ini memperolehi kemudahan pendidikan tinggi menjelang tahun 2010.

Selain memudahkan proses pendidikan menerusi pembelajaran berbantukan komputer, sistem bunyi dan grafik yang dilengkapkan turut mewujudkan persekitaran menarik buat pelajar. Pendek kata pendidikan berbantukan komputer adalah kaedah pembelajaran yang sangat unik berbanding kaedah pembelajaran biasa (Tengku Mohd. Azman, 1991).

Pendidikan berbantukan komputer memberikan kelebihan yang nyata khususnya bagi individu yang inginkan kebebasan belajar di luar kekangan masa dan ruang. Perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang teknologi maklumat menjanjikan masa depan pendidikan yang lebih canggih. Teknologi akan terus berkembang mengaburkan sempadan pendidikan tradisional (*conventional*) (Khairuddin Hashim, 1999).

Di dalam Falsafah Pendidikan Negara ada menyatakan, mengembangkan potensi individu pelajar merupakan hasrat murni yang seharusnya diberikan perhatian sewajarnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Bagi mencapai hasrat tersebut semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan di negara ini seharusnya berusaha untuk memastikan ia menjadi kenyataan. Proses pengajaran sedang mengalami perubahan yang pesat terutama sekali menerusi penggunaan teknologi maklumat yang sedang berkembang di negara kita. Ia akan lebih bersifat individu dan menekankan pada pembelajaran mampu diri serta

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

membuatkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, produktif dan cekap (Tengku Mohd. Azman, 1991).

Untuk mencapai matlamat pendidikan Malaysia, satu perubahan diperlukan dalam cara kita memikir tentang penggunaan teknologi di sekolah atau di institusi pengajian tinggi. Jika sekolah dan IPT ingin mendapat faedah sepenuhnya, teknologi perlu menjadi asas dalam infrastruktur, proses pengajaran dan pembelajaran, dan bukan hanya sebagai bahan tambahan. Teknologi maklumat mesti digunakan sepenuhnya dan diberi peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran serta tugas harian pelajar

Menurut Burns, dalam Shaharom Noordin (2000), perubahan ini dapat membantu para pendidik menangani masalah perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar dalam usaha untuk mempelbagai dan mengindividu pengajaran supaya perbezaan tersebut mendapat perhatian yang sewajarnya.

Teori pembelajaran semasa mementingkan perlunya guru mengambil kira gaya pembelajaran dan kepelbagaian kecerdasan pelajar. Oleh itu pelbagai kaedah pengajaran perlu digunakan untuk menyesuaikan gaya pembelajaran pelajar. Kemajuan teknologi multimedia mampu mengubah situasi bilik darjah, peranan guru dan pelajar (Ee Ah Meng, 1997).

Menurut Boon Pong Ying dan Ragbir Kaur (1998), terdapat masalah yang wujud dalam perbezaan kesediaan belajar iaitu ada pelajar yang dapat belajar dengan cepat dan ada yang sangat berminat dalam mengikuti pembelajaran guru. Tetapi ada pelajar yang lambat dan tidak terdorong untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Masalah yang timbul berkaitan dengan perbezaan kesediaan belajar ialah, perbezaan individu. Aspek perbezaan individu menyebabkan kebolehan pelajar berbeza dalam pelbagai bidang. Sebagai contohnya ada pelajar yang lemah dalam sains dan ada yang lemah dalam matematik. Sementara itu, ada pelajar yang mempunyai kemahiran psikomotor yang tinggi dan ada yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa faktor perbezaan individu menyebabkan kesediaan belajar yang berlainan. Oleh itu guru perlu mempertimbangkan aspek ini dalam perancangan dan persediaan mengajarnya. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dapat memenuhi perbezaan kesediaan pelajar yang berlainan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Sebelum merdeka, guru lebih banyak berperanan sebagai penyampai maklumat dan ilmu kerana ketika itu peluang untuk mendapatkan maklumat atau ilmu secara mudah tidak diperolehi kerana teknologi belum membenarkannya Tetapi kini kemunculan teknologi maklumat telah merubah peranan guru dalam mendidik (Khairuddin Hashim, 1999).

Pengajaran tradisional tidak berkesan kerana bergantung kepada beberapa deria sahaja. Menurut Syarifah Alawiah Alsagof (1987), pelajar-pelajar ingat 20 peratus daripada apa yang mereka dengar, 30 peratus daripada apa yang mereka lihat, 50 peratus daripada apa yang mereka dengar dan lihat, 80 peratus daripada apa yang mereka tutur dan 90 peratus daripada apa yang mereka tutur dan buat.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Setiap individu mempunyai stail pembelajarannya yang tersendiri. Ada yang belajar lebih baik secara bersendirian, ada dalam kumpulan, ada yang belajar dengan visual yang banyak, ada pula yang belajar dengan lebih efektif dengan mendengar, ada yang suka teks sahaja, ada yang suka belajar dengan menyentuh dan ada yang suka bergerak semasa belajar. Pengajaran secara lebih tradisional tidak dapat mengatasi masalah stail pembelajaran yang berbeza ini.

Pelajar kita hari ini banyak didedahkan kepada maklumat daripada media elektronik. Cara pengajaran yang bergantung kepada percakapan dan papan tulis tidak dapat menarik minat mereka lagi. Mengikut Fiske (1992)

"teacher talk violates everything we know about how students learn and the diversity of learning styles".

(Fiske 1992 : 24)

Pelajar kita perlu cabaran di bilik darjah. Cara pengajaran yang menyemburkan maklumat ke atas pelajar tidak dapat mengekalkan minat serta memberi cabaran kepada pelajar. Guru-guru pula menghadapi masalah kesukaran untuk mendapatkan sumber apabila diperlukan. Jika bahan yang hendak digunakan didapati dengan cepat dan senang dalam bentuk CD ROM dan sebagainya, ini akan mengatasi masalah guru (Tengku Mohd Azman Shariffadeen, 1991).

Kebanyakan guru tidak menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kebiasaannya guru-guru

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

menggunakan kaedah syarahan atau penerangan yang mana pendekatan ini tidak mudah difahami oleh pelajar dan juga suasana pembelajaran yang membosankan. (Shaharom Noordin, 1996).

Menurut Mok Soon Sang (2000), di dalam bidang pendidikan terdapat banyak pendekatan, kaedah dan teknik mengajar yang disarankan oleh pakar-pakar pendidikan. Kesemua ini boleh digolongkan mengikut tiga unsur yang utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu guru, murid dan bahan pelajaran. Oleh itu, strategi pengajaran dan pembelajaran boleh diklasifikasikan mengikut tumpuan kepada tiga unsur utama ini iaitu strategi pemusatan guru, pemusatan murid dan pemusatan bahan. Di bawah strategi pemusatan bahan pelajaran, bahan pelajaran memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan menggunakan strategi ini, guru boleh menyampaikan pelajaran dengan lebih mudah, lebih menarik serta lebih berkesan, manakala pelajar-pelajar pula boleh memahami pelajaran dengan lebih bermakna serta boleh menjalankan aktiviti pembelajaran dengan secara sendiri atau secara kumpulan tanpa kehadiran guru.

Menurut Mok Soon Sang (2000), lagi di antara kaedah-kaedah yang berkaitan dengan strategi pemusatan bahan pelajaran ialah kaedah audio-visual dengan penggunaan televisyen, perakam pita, projector dan video, pengajaran terancang melalui mesin-mesin mengajar seperti komputer dan modul.

Menurut Ee Ah Meng (1997), sumber pengajaran dan pembelajaran yang dipilih harus sejajar dengan kehendak objektif pelajaran. Guru digalakkan menggunakan pelbagai deria pelajar. Di antara sumber yang biasa digunakan ialah modul. Selain daripada sumber hendaklah sesuai dengan objektif pelajaran, ia juga haruslah dapat menambahkan keberkesanan pengajaran guru, hendaklah

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

menarik dan dapat memudahkan pemahaman pelajar terhadap konsep-konsep yang disampaikan, memudahkan guru menyampaikan konsep dan dapat menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan dan sumber hendaklah dipelbagaikan agar semua deria pelajar-pelajar dapat digunakan. Cara ini akan memudahkan pembinaan konsep dan meluaskan pengalaman pelajar. Oleh itu modul pengajaran kendiri berbantukan komputer ini dapat memenuhi Kriteria-kriteria yang telah disebutkan di atas.

Penggunaan alat dan bahan bantu mengajar (ABBM) menggunakan banyak deria yang terlibat dalam menerima rangsangan, tidak membosankan, mengekalkan konsentrasi pelajar, menyeronokkan. Oleh itu, penggunaan pembelajaran bermodul adalah bersesuaian. Penggunaan modul pengajaran kendiri (MPK) berbantukan komputer dalam bidang pendidikan dan minat pelajar menggunakannya secara berkesan kini dilihat sebagai perkara yang perlu dalam mana-mana sistem pendidikan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.2 Pernyataan Masalah

Perbezaan individu merupakan salah satu faktor yang merupakan penyebab kepada kesulitan pelajar menerima sesuatu pembelajaran. Menurut Shaharom Noordin (1996), kebanyakan pendidik sedar akan kewujudan perbezaan individu di kalangan para pelajar seperti dari segi minat terhadap mata pelajaran, latarbelakang, gaya belajar, nilai, motivasi dan lain-lain. Dalam beberapa keadaan, mereka berkebolehan untuk membantu meringankan kesulitan yang dihadapi oleh individu pelajar berkenaan akibat dari perbezaan tadi. Walau

bagaimanapun, dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebenar, kita dapati bahawa para pelajar biasanya terikat pada urutan pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran yang sama seperti dialami oleh rakan-rakan mereka yang lain. Salah satu cara yang boleh digunakan untuk menangani masalah ini ialah dengan mengindividukan pengajaran iaitu membuatkan aktiviti-aktiviti pembelajaran sesuai mengikut kebolehan para pelajar.

Oleh itu satu cara yang boleh digunakan untuk menangani masalah perbezaan individu ialah dengan menggunakan modul pengajaran kendiri (MPK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya membolehkan kemudahlenturan dari segi pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran. Keadaan ini akan memberikan para pelajar sedikit ruang kebebasan untuk meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan gaya masing-masing dalam menyudahkan aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam sesuatu modul (Shaharom, 1991).

Menurut Sharifah Alawiah Alsagof (1987), Palvov menegaskan perbezaan individu juga wujud pada manusia seperti wujudnya peranan perbezaan individu yang mempengaruhi perangai anjing-anjingnya menerusi teori *behaviourisme*. Palvov menekankan kita harus menegaskan perbezaan perangai di kalangan pelajar, seperti ada pelajar yang sangat suka belajar dan tidak kurang ramai juga yang dipaksa belajar. Ada pelajar yang sangat mudah diajar tentang sesuatu, tetapi akan susah menerima pelajaran lain. Ada pula pelajar yang mengalami perkara sebaliknya pula, iaitu yang senang bagi orang lain didapatinya susah, dan yang susah didapatinya senang pula. Ahli psikologi tidak dapat menunjukkan apakah cara-cara pembelajaran yang paling terbaik untuk sesuatu perangai, namun guru harus boleh mengambil kira faktor perangai di dalam pengajarannya. Guru tidak harus menganggap semua pelajarnya sama. Maka rumusan pertama daripada dapatan Palvov ialah guru harus mengambil kira pembawaan perangai

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

pelajarnya, khususnya berhubung dengan gerak balas pelajar yang diajarnya dan penggunaan bahan pengajaran.

Selain daripada itu guru-guru juga mengalami masalah motivasi atau bagaimana mendapatkan pelajar melibatkan diri mereka di dalam pembelajaran dan mengekalkan minat mereka di dalam perkara-perkara yang dipelajari (Sharifah Alawiah Alsagof, 1987).

Menurut Sharifah Alawiah Alsagof (1987), manusia juga mempunyai emosi iaitu emosi adalah suatu kecenderungan yang disedari menuju ke arah atau menjauhi sesuatu objek. Sebagai contohnya emosi seronok iaitu emosi yang melibatkan sesuatu daya penarik kepada objek tertentu dan sebaliknya. Seterusnya seseorang itu akan ke arah motif yang disedari, contohnya minat dan perasaan ingin tahu yang telah dibentuk terhadap pelbagai aktiviti.

Menerusi salah satu daripada faktor motivasi ini, guru harus tahu bagaimanakah faktor motivasi ini dapat digunakan dalam pembelajaran pelajar contohnya wujudkan pembelajaran yang menyeronokkan, salah satu daripadanya ialah seperti pengajaran bermodul yang mana pengajaran bermodul ini dapat menarik minat para pelajar di mana ia berbeza dari pembelajaran secara konvensional.

Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk mengetahui sejauh mana penggunaan modul pengajaran kendiri ini dapat menarik minat pelajar dalam mengikuti proses pembelajaran, mempertingkatkan pemahaman dan memotivasikan pelajar Kursus Teknologi Katering, Tingkatan Empat terhadap penggunaan modul pengajaran kendiri ini dalam proses pembelajaran.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.3 Soalan Kajian

1. Sejauhmanakah Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan dapat menarik minat pelajar dalam proses pembelajaran bagi mata pelajaran Teknologi Katering?

2. Sejauhmanakah Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan dapat membantu mempertingkatkan pemahaman pelajar bagi mata pelajaran Teknologi Katering?

3. Sejauhmanakah Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan dapat meningkatkan motivasi para pelajar bagi mata pelajaran Teknologi Katering?

1.4 Objektif Kajian

1. Menghasilkan Modul Pengajaran Kendiri yang dapat menarik minat pelajar dalam proses pembelajaran bagi mata pelajaran Teknologi Katering.

2. Menghasilkan Modul Pengajaran Kendiri yang dapat membantu mempertingkatkan pemahaman bagi mata pelajaran Teknologi Katering.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

3. Menghasilkan Modul Pengajaran Kendiri yang dapat meningkatkan motivasi para pelajar terhadap mata pelajaran Teknologi Katering.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah kepada pelajar, guru yang mengajar mata pelajaran Teknologi Katering, pihak sekolah sendiri dan Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kepentingannya adalah seperti di bawah:-

1.5.1 Pelajar

Modul ini dapat memberikan motivasi kepada pelajar kerana mengandungi visual seperti gambarajah yang menarik dan boleh dijadikan sebagai contoh pembelajaran. Selain daripada itu pelajar tidak perlu terikat dengan sesuatu gaya pembelajaran kerana modul ini dapat menangani masalah perbezaan pelajar dengan mengindividukan pengajaran mengikut kebolehan mereka (Sharifah Alawiah Alsagof, 1987).

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.5.2 Guru

Modul Pengajaran Kendiri ini dapat mengurangkan beban guru dan membantu di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu penghasilan modul ini akan menjadi bahan rujukan kepada guru.

1.5.3 Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Penghasilan modul pengajaran kendiri ini juga dapat memberikan sumbangan kepada Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional dengan memperkayakan lagi kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada, khususnya di dalam pendidikan teknik dan vokasional.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan kepada pelajar Tingkatan empat bagi kursus Teknologi Katering bagi mata pelajaran Teknologi Katering sahaja. Ini adalah kerana menyedari betapa pentingnya mata pelajaran ini dalam Pengurusan Hotel dan Katering khususnya apabila mereka menceburi bidang pekerjaan kelak.

BIBLIOGRAFI

Ab. Rahman Ab. Rashid (1993). "Teknologi Pendidikan: Antara Pemahaman Konsep dan Permasalahannya." Jurnal Gemilang. 7. 61-72.

Aishah Hamzah (1992). "Teknologi dan Perkhidmatan Katering." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1

Asmee Tajuddin (1996). "Ke arah pendidikan yang berkesan." Jurnal akademik MPSAH. 1. 1-8.

Boon Pong Ying dan Ragbir Kaur (1998). "Psikologi II (Semester II) Siri bimbingan Diploma Perguruan." Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd. 23-53.

Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi III (Semester III) Siri Diploma Perguruan." 2nd. ed. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn, Bhd. 33-55.

Fiske, E.B. (1992). "Smart schools, smart kids: why do some schools work?" New York : Simon & Schuster. 24-25.

Hanafi Atan, Zuraidah Abd Rahman, Nazirah Ahmad Azli dan Rozhan Mohammed Idrus (2001). "Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia.".Universiti Sains Malaysia. **1**. 1-13.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). "Pukal latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Khairuddin Hashim (1999). Seminar: "Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)." Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 28-29 April 1999. 1-12.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 45-46, 88-89.

Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 For Windows." Kuala Lumpur: Venton Publishing. 259-262.

Mok Soon Sang (2000). "Pedagogi 2 Pelaksanaan Pengajaran." 2nd. ed. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd. 31-37, 158-166.

Percival. F, Ellington. H. (1988). Penterjemah Noran Fauziah Yaacub (1994). "Buku Panduan Teknologi Pendidikan." Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.10-11.

Rahil Mahyudin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar (1997). "Pedagogi 2." Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd. 37-38.

Sharifah Alawiah Alsagof (1987). "Psikologi Pendidikan II Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling."Selangor: Longman Malaysia Sdn Bhd. 33-40,194-217.

Shaffe Mohd Daud (1995) "Penggunaan Media Pendidikan Untuk Pengajaran Pembelajaran Berkesan." Jurnal IPDA. 6. 3-10.

Shaharom Noordin (1994). "Modul Pengajaran Kendiri: Satu inovasi Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran." Jurnal Akademik. 7. 1-7.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Shaharom Noordin (1996). "Pengajaran Individu Menggunakan Modul Pengajaran Kendiri Di Sekolah Menengah." Jurnal Akademik. **6**. 1-13.

Shahrom Noordin & Yap Kueh Chin (1991). "Ke arah Mengindividukan pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul." **7**. 89-105.

Shaharom Noordin (2000). "Teknologi Dalam pengajaran pembelajaran di alaf baru." Seminar Pendidikan kebangsaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. 1-10.

Sim Ah Hock (1996). " Perkembangan Teknologi Pendidikan." Jurnal Akademik MPSAH. **1**. 53-63.

Spears, M.C (2000). "Foodservice Organizations; A Managerial and Systems Approach" United Stated: Prentice-Hall.

Tengku Mohd Azman Shariffadeen (1991). "Information technology and Education-The Emerging Malaysian Scenario." Kertas kerja dibentangkan di Simposium Kebangsaan Komputer Dalam Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor. 1-13.

Uma Sekaran (2000). "Research Methods For Business." New York: John Wiley & Sons.197-200.

Wiersma, W. (1995). "Research Method In Education; An Introduction 6th Edition," Needhem Heights : Allyn and Bacon.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH